

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : CSR MENTERI BESAR INCORPORATED

61. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila butirkan semua perbelanjaan CSR MBI dan anak syarikatnya untuk tahun 2017.

JAWAPAN:

Nama Syarikat : Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)(“MBI”)

Bil	Perincian Sumbangan	Sumbangan (RM)
1	Program Kerajaan Negeri <ul style="list-style-type: none"> - Sumbangan Haji - Sumbangan sambutan perayaan - Sumbangan pindahmilik strata Pinggiran Batu Caves - Sumbangan perbelanjaan operasi IDE 	7,570,609
2	Pembangunan Infrastruktur <ul style="list-style-type: none"> - Sumbangan Wifi Selangorku - Program Komunikasi Penyaluran Dasar Maklumat Kerajaan (CCSB) - Penyelesaian global Jana Niaga 	29,798,544
3	Pembangunan Sosial <ul style="list-style-type: none"> - Program pembangunan social (CAKNA) 	1,000,000
4	Keagamaan / Moral / Kebajikan <ul style="list-style-type: none"> - Sumbangan program PEKAWANIS - Sumbangan kepada organisasi/pertubuhan berdaftar - Sumbangan kepada Masjid / Surau /Asnaf - Sumbangan bantuan kewangan subsidiary - Lain-lain sumbangan termasuk bantuan banjir 	8,565,519

Bil	Perincian Sumbangan	Sumbangan (RM)
5	Pendidikan <ul style="list-style-type: none"> - Program Jom Balik Sekolah - Sumbangan Early Intervention Program - Tabung Kumpulan Wang Biasiswa /Sumbangan pendidikan 	6,627,746
Jumlah (RM)		53,562,418

Nama Syarikat : Kumpulan Darul Ehsan Berhad (“KDEB”)

Bil	Perincian Sumbangan	Sumbangan (RM)
1	Sumbangan untuk Anugerah Khas YAB Dato’ Menteri Besar – INPEN	3,000
2	Sumbangan untuk Mewakafkan Naskhah Al-Quran - WAKAF	10,000
3	Sumbangan lembu untuk Hari Raya Aidiladha - MBI	441,875
Jumlah (RM)		454,875

Nama Syarikat : KDEB Waste Management Sdn Bhd (“KDEBW”)

Bil	Perincian Sumbangan	Sumbangan (RM)
1	Sumbangan kepada Bola Sepak Piala Sultan Selangor	55,556
2	Sumbangan Tong “Leach Bin”& MGB Bin kepada rakyat di Majlis Perbandaran Klang (MPK) & Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)	198,455
3	Sumbangan kepada mangsa banjir Hulu Langat	10,000

Bil	Perincian Sumbangan	Sumbangan (RM)
4	Sumbangan kepada program kelab sukan & rekreasi Kelab Setiausaha Kerajaan Negeri Tahun 2017	14,000
5	Sumbangan bagi Jemputan Kongres Expo Dunia Smart City di Fira Barcelona Gran Via, Spain (delegasi Kerajaan Negeri Selangor)	20,000
Jumlah (RM)		298,011

Nama Syarikat : Permodalan Negeri Selangor Berhad (“PNSB”)

BIL	PERINCIAN SUMBANGAN	RM
1	Sumbangan untuk penajaan meja jamuan bagi Majlis Makan Perpaduan JAKSA Pendamai Selangor	3,000
2	Sumbangan bagi projek Majlis Tilawah Al-Quran dan Festival Nasyid bagi Orang Kelainan Upaya (OKU)	5,000
3	Sumbangan bagi penajaan Sambutan Tahun Baru Cina Peringkat Negeri Selangor 2017	5,000
4	Sumbangan bagi membaikpulih dan mengganti lampu-lampu LED di Pekan Sekinchan	3,000
5	Sumbangan sempena Program Hari Keluarga Tahun 2016 dan kejohanan Sukan Antara Pejabat Tanah (PETANDA) 2017.	10,000
6	Sumbangan minyak masak dan gula kepada Penjara Kajang, Penjara Sungai Buloh dan Penjara Wanita Kajang.	7,390
7	Sumbangan bagi pembinaan Masjid Bukit Rahmat Putra, Sg Buloh Selangor	3,000
8	Sumbangan bagi aktiviti tahunan Surau Al-Raudah, Bukit Raja Klang	1,000

BIL	PERINCIAN SUMBANGAN	RM
9	Sumbangan Penajaan bagi Sambutan Tahun Baru Cina 2017 Peringkat Negeri Selangor.	70,000
10	Sumbangan kempen kesedaran Stray Free Selangor The Humane & Compassionate Way anjuran persatuan menolong haiwan Selangor	10,000
11	Sumbangan Kejohanan Golf Amal Majlis Perbandaran Klang	4,000
12	Sumbangan Hari Keluarga Jabatan Mufti Negeri Selangor 2017	5,000
13	Sumbangan peruntukan perbelanjaan Kelab Bola Sepak PNSB Tahun 2017	267,350
14	Sumbangan bagi penganjuran pertandingan Bola Sepak The Sultan Selangor's Cup 2017	100,000
15	Sumbangan Retreat dan Mesyuarat Agung Tahunan PEKAWANIS di Avani Sepang.	26,700
16	Sumbangan bagi seminar zakat, waqaf dan sadaqah 2017 anjuran Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor	1,000
17	Sumbangan baikpulih Masjid/Surau di Daerah Gombak sempena Program Turun Padang Y.A.B Dato Mentari Besar Selangor	140,000
18	Sumbangan 'Coffee Table Book' sempena Ulangtahun Keputeraan Sultan Selangor ke 72	25,000
19	Sumbangan baikpulih Surau di Maahad Tahfiz Klang.	20,000
20	Sumbangan bagi Program Seed Showcase 2017 anjuran UPM	2,000
21	Sumbangan kepada Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor (TWBNS) kepada pelajar-pelajar Negeri Selangor yang menuntut di Maghribi, Jordan & Mesir.	150,000

BIL	PERINCIAN SUMBANGAN	RM
22	Sumbangan bagi Program Turun Padang Bersama Y.A.B Dato Menteri Besar Selangor di Taman Wira Permai, Daerah Gombak	75,350
23	Sumbangan Penajaan kepada Yayasan Islam Darul Ehsan Bagi Sumbangan Hari Raya Aidilfitri kepada Anak Yatim	150,000
24	Permohonan peruntukan bagi program turun padang YAB Dato' Menteri Besar Selangor ke Daerah Gombak pada 14 April 2017	26,500
25	Sumbangan bagi menyumbangkan Mushaf Al-Quran bagi Proses Pengajaran dan Pembelajaran (PDP) di Sekolah Rendah Agama Jabatan Agama Islam Negeri Selangor.	20,000
26	Permohonan sumbangan sempena Kehadiran YAB Dato' Menteri Besar Ke Masjid Kota Damansara.	20,000
27	Sumbangan pembelian tiket bagi pertandingan Muay-Thai 'Muay Super Fight 2017' bagi Penggerak-Penggerak Belia Tempatan (PeBT) Negeri Selangor	3,000
28	Sumbangan untuk Program Intervensi Austisme Malaysia NASOM	5,500
29	Sumbangan Perlawanan Akhir Liga Super FAS 2017	29,780
30	Sumbangan Kepada Zakat Selangor Berhad – Tahun 2016	1,212,900
31	Sumbangan bagi Majlis Rumah Terbuka Sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri peringkat Negeri Selangor	250,000
32	Sumbangan untuk Majlis Iftar Perdana Sempena Ramadhan 1438H kepada Surau/Masjid	187,000
33	Sumbangan Hari Raya untuk Warga Emas & Anak Yatim Negeri Selangor	323,000

BIL	PERINCIAN SUMBANGAN	RM
34	Wang saguhati kepada penceramah Ustaz jemputan bagi Majlis Tazkirah dan bacaan tahlil PNSB dan sumbangan untuk Maahad Tahfiz Darul Delima di Majlis Iftar PNSB 2017	1,250
35	Sumbangan Pembelian Lembu Korban Sempena Eidul Adha Peringkat Negeri Selangor 1438H/2017M	883,715
36	Sumbangan Sempena Majlis Kualiti Pelajar Cemerlang dan Khatam Hafazan Al Quran Maahad Hafiz	38,000
37	Menyediakan makanan dan minuman bagi mesyuarat penyelarasan program turun padang YAB Dato Seri Menteri Besar Selangor	800
38	Sumbangan penajaan untuk Pasukan Bola Jaring Pejabat Tanah dan Galian Selangor sempena Sukan Pejabat-pejabat Tanah Daerah/ Tanah Negeri Selangor (PETANDA) ke 10 Tahun 2017	2,000
39	Sumbangan Majlis Iftar Perdana Sempena Ramadhan 1438 Hijrah	20,000
40	Sumbangan untuk pembangunan dan peralatan Masjid Lama An-Nawawi	1,000
41	Sumbangan Rumah Terbuka Eidul Fitri 1438H Pekawanis	25,000
42	Sumbangan Pembiayaan Yuran Sekolah kepada adik Wan Nurhusna di Kolej Yayasan Saad, Melaka.	2,000
43	Sumbangan bagi membantu ahli keluarga Mohd Fazarith bin Nazuber yang terlibat dalam kejadian Rumah Terbakar.	1,000
44	Sumbangan Program Turung Padan YAB Dato' Menteri Besar Selangor di Sepang	30,000
45	Sumbangan untuk pelaksanaan Program Korban Tahun 2017 Di Surau Ehsaniah, Kampung Melayu Subang, Shah Alam	2,000

BIL	PERINCIAN SUMBANGAN	RM
46	Sumbangan Sempena Pameran Artifak Rasulullah SAW 2017 di Masjid Negeri Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam	10,000
47	Sumbangan peruntukan menguruskan pasukan Sabak Bernam bagi pertandingan Liga Bola Sepak Rakyat Musim 2017 - 2018	12,100
48	Sumbangan bagi program Ambang Merdeka 2017 Zon Sepang Utara, Persatuan Penduduk Taman Pantai Sepang Putra, Sungai Pelek, Sepang	10,000
49	Sumbangan Bakal Jemaah Haji bagi tahun 2017 oleh YAB Dato' Menteri Besar di Masjid Jamek Al-Amaniah, Batu Caves, Selangor	24,400
50	Sumbangan Golf Tahunan Gabungan Syarikat Anak PKNS yang diadakan di Kelab Golf Seri Selangor, Kota Damansara.	4,200
51	Sumbangan perbelanjaan Liga Bola Sepak Rakyat Pasukan Sabak Bernam	7,700
52	Sumbangan Kewangan Bagi Program Kelas Harapan 2017 untuk pelajar miskin	1,000
53	Sumbangan untuk Pembinaan Surau Sekolah Kebangsaan Raja Muda, Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT)	1,000
54	Bayaran Golf RHB Classoc 2017	4,000
55	Kejohanan Golf Jemputan Majlis Bandaraya Shah Alam 2017	5,000
56	Bayaran memohon peruntukan sumbangan dari anak syarikat bagi program women heart Journey	9,000
57	Sumbangan untuk program malam kebudayaan perayaan Deepavali 2017 peringkat Dewan negeri Seri Andalas pada 28/10/2017	3,000

BIL	PERINCIAN SUMBANGAN	RM
58	Sumbangan kepada kelab kebajikan Nur Insaniah Selangor bagi menaja 20 orang pelajar miskin mengikuti Program Kelas harapan 2017	1,000
59	Program Jom Sihat PNSB 2017 anjuran Kelab Kebajikan PNSB dan Karnival Bolasepak anjuran Kelab Bolasepak Permodalan N Selangor	122,000
60	Sumbangan kepada 2 orang anak kepada Puan Shafinaz binti Mohamad Shariff untuk pendidikan di Kolej Vokasional Sungai Buloh.	2,000
61	Sumbangan dari anak syarikat bagi bantuan pendidikan kepada Suraya binti Arshad di UKM dalam bidang Dietetik.	2,000
62	Sumbangan dari Anak Syarikat kepada Madrasah Tahfiz Pekan Sungai Buloh bagi pembinaan bangunan baru.	3,000
63	Sumbangan untuk program bantuan masyarakat India Yayasan Gerbang Bandar Tun Razak bagi meraikan seramai 500 orang pernerima yang kurang berkemampuan.	50,000
64	Bayaran bagi penyelesaian kerosakan bumbung dan lif di Flat Kos Rendah Blok A1 Bukit Segar, Cheras di Bawah Skim Ceria.	32,500
65	Sumbangan kepada Program Pendidikan Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat di KUIS bagi tahun 2017	1,000,000
66	Sumbangan untuk Persatuan Kebajikan Kanak-Kanak Terencat Akal Malaysia	3,000
67	Sumbangan untuk Persatuan Kebangsaan Autisme Malaysia (NASOM)	2,000

BIL	PERINCIAN SUMBANGAN	RM
68	Penajaan bersempena Kejohanan Golf Jemputan Raja Muda Worldwide Holdings Selangor 2017	30,000
70	Sumbangan Badan-Badan Berkanun/Anak-Anak Syarikat Kerajaan Negeri kepada tabung Warisan Negeri Selangor bagi Tahun Kewangan 2017	609,000
71	Sumbangan Banjir Pulau Pinang – Bendahari Negeri Selangor	150,000
72	Sumbangan bagi program Bual Bicara"Merungkai Rahsia Sebenar Kesihatan" anjuran PEKAWANIS.	25,000
73	Sumbangan bagi Mangsa Banjir di Pulau Pinang yang disampaikan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor pada 10 November 2017 surat rujukan daripada Pebendaharaan Negeri Selangor.	150,000
74	Sumbangan Hari Keluarga RHB Bank Berhad cawangan seksyen 9, Shah Alam, Selangor.	3,000
75	Sumbangan bagi perbelanjaan operasi Rumah Puteri Arafiah bagi tahun 2017	191,588
76	Sumbangan dari Anak Syarikat untuk bantuan membina semula rumah akibat daripada kebakaran di Taman PKNS Salak, Sepang Selangor	5,000
77	Sumbangan bagi menjayakan larian perpaduan Komuniti Klang anjuran Jaksa Pendamai Daerah Klang.	3,000
78	Sumbangan bagi menyertai kejohanan Ragbi UPSI 10's kali ke 2 bertempur di Padang Ragbi, UPSI, KSAS, Proton City.	2,000
79	Sumbangan Pengurusan BolaSepak PNSB bagi tahun 2017	110,750
JUMLAH (RM)		6,756,473

Nama Syarikat : Kumpulan Semesta Sdn Bhd (“KSSB”)

Bil	Penerima Sumbangan	Perincian Sumbangan	Sumbangan (RM)
1	Kelab / Persatuan / PIBG / Tabika / Sekolah / Tabung Kebajikan/Jabatan Kerajaan / Individu Persendirian	<ul style="list-style-type: none">- Sumbangan pelbagai bentuk bagi tujuan kebajikan, bencana dan lain – lain termasuk makanan dan wang tunai- Penajaan korporat dalam pelbagai bidang termasuk kejohanan sukan, kempen – kempen kebajikan dan program kecemerlangan- Sumbangan bagi pembelian kelengkapan, menaiktaraf, membaik pulih fasiliti / infrastruktur- Pemberian perabut terpakai	226,781
2	Masjid / Surau / Tabung Kebajikan / Akedemi Tahfiz / Kelab / Persatuan / Kelab	<ul style="list-style-type: none">- Program keagamaan- Sumbangan bagi pembelian kelengkapan, menaiktaraf, membaik pulih rumah – rumah ibadat	108,335
3	PIBG/ Sekolah / Surau / Masjid / Balai Penghulu / Kelab Golf	<ul style="list-style-type: none">- Sumbangan pasir	16,405
Jumlah (RM)			351,521

Nama Syarikat : Darul Ehsan Facilities Management Sdn Bhd (“DEFM”)

Bil	Perincian Sumbangan	Sumbangan (RM)
1	Sumbangan program bengkel perancangan strategi PEMADAM 2017	500
2	Sumbangan bagi Coporate and Event Sponsorship for Humane Education.	5,000
3	Sumbangan bagi program Pemeran Seni Amal Insani 2017 .	500
4	Sumbangan naskah Al-Quran bagi proses pengajaran dan pembelajaran (PDP) di Sekolah Rendah Jabatan Agama Islam Negeri Selangor	5,000
5	Sumbangan bantuan bencana banjir Daerah Hulu Langat	3,000
6	Sumbangan untuk menampung kos Penghantaran pasukan PeBT MPSJ Selangor ke Kejohanan Catur ASTRO Merdeka Rapid Team Chess Champion 2017	1,000
JUMLAH (RM)		15,000

Nama Syarikat : Pendidikan Industri YS Sdn Bhd (“PIYSB”)

Bil	Perincian Sumbangan	Sumbangan (RM)
1	DERMASISWA UNISEL	2,179,840
Jumlah (RM)		2,179,840

Nama Syarikat : SRM Setia Sdn Bhd (“SRM’)

Bil	Perincian Sumbangan	Sumbangan (RM)
1	Sumbangan kelengkapan “Program Jelajah ke Sekolah”	8,504
2	Sumbangan sambutan “Tahun Baru Cina” di Sekinchan	20,000

Bil	Perincian Sumbangan	Sumbangan (RM)
3	Sumbangan Majlis Hi-tea untuk penerima KISS Bersama Datin Seri Shamsida	10,000
4	Sumbangan "Projek Prihatin" oleh Active Fast Center	30,000
5	Sumbangan membeli kelengkapan ruang solat Jemaah Muslimah untuk Masjid Talhah	43,570
6	Sumbangan Majlis Sambutan Ramadhan untuk 18 surau di Selangor	45,000
7	Sumbangan Majlis Sambutan Ramadhan untuk Madrasah Darissalamah	5,000
8	Sumbangan untuk "Maintenance and support of travelling apps for Sekinchan Travel Apps"	20,000
Jumlah (RM)		182,074

Nama Syarikat : Invest Selangor Berhad ("ISB")

Bil	Perincian Sumbangan	Sumbangan (RM)
1	Peruntukan Khas Bantuan Bencana banjir Daerah Hulu Langat, Selangor	5,000
2	Tajaan untuk Selangor Youth Community (SAY) Fundraising Gala Dinner	8,000
Jumlah (RM)		13,000

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW
(N56 SUNGAI PELEK)**

TAJUK : SYARIKAT BEKALAN AIR

62. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah bayaran Kerajaan Negeri untuk membeli 4 buah syarikat bekalan air? Sila berikan harga masing-masing dan jumlah sewa aset tahunan tanggungan Negeri kepada Kerajaan Pusat.
- b) Apakah rancangan dan hasrat Kerajaan Negeri terhadap isu pembekalan air? Adakah kajian dan pemantauan dijalankan berkenaan polisi air percuma, harga, keupayaan bekalan dan sebagainya?

JAWAPAN:

- a) Penstrukturan industri perkhidmatan air di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya melibatkan pengambilalihan kesemua syarikat konsesi rawatan dan bekalan air. Sehingga hari ini, pengambilalihan 100% pegangan ekuiti bagi tiga (3) dari empat (4) syarikat tersebut telah selesai dengan pecahan kos seperti berikut:-

No.	Syarikat	Jumlah (RM)
1.	Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (SYABAS)	478,750,575.00
2.	Puncak Niaga (M) Sdn Bhd (PNSB)	1,117,500,000.00
3.	Titisan Modal (M) Sdn Bhd (TMSB) (pemilik 100% kepentingan Konsortium ABASS Sdn Bhd)	86,184,000.00
	Jumlah Keseluruhan (RM)	1,682,434,575.00

Keseluruhan kos di atas adalah dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan melalui PAAB. Sebagai balasan, Air Selangor selaku operator perkhidmatan bekalan air yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Selangor hendaklah membuat bayaran ke atas sewa pajakan (*lease rental*) bagi tempoh 45 tahun dengan kadar sewa pajakan sebanyak 5.5 peratus (%) setahun.

Manakala, bagi Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor Sdn Bhd (SPLASH) pula, seperti yang telah dihebahkan sebelum ini, kos pengambilalihan berkenaan adalah sebanyak RM2,550,000,000.00 bersamaan dengan RM2.55 billion, dengan RM1.9 billion dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan melalui PAAB, di mana tempoh *lease*

rental dan kadar sewa pajakan yang ditetapkan adalah sama seperti bagi pembiayaan yang dibuat sebelumnya. Baki sebanyak RM650 juta pula akan dibayar secara ansuran selama sembilan (9) tahun dengan menggunakan dana dalaman Air Selangor.

Secara keseluruhan, jumlah bayaran sewa pajakan tahunan oleh Air Selangor kepada PAAB untuk aset-aset air yang dipegang sebagai kolateral oleh PAAB bagi pembiayaan pengambilalihan 100% ekuiti empat syarikat konsesi tersebut adalah sebanyak RM196.3 juta setahun.

- b) Bekalan air merupakan isu yang sangat sensitif dan sering disensasikan oleh banyak pihak dalam melihat kelemahan Kerajaan Negeri Selangor menguruskan industri air. Pada ketika ini, rizab bekalan air adalah tipis dan dianggarkan berada pada kadar tidak lebih 4.0%, sumber air mentah sedia ada semakin terhad berbanding dengan permintaan penggunaan yang disasarkan pada kadar 3.5% setiap tahun. Justeru itu, Kerajaan Negeri berusaha untuk mencapai sasaran meningkatkan rizab bekalan air mencapai 15% sebagai satu inisiatif '*water demand planning*' yang berjangka panjang. Kerajaan Negeri memberi jaminan memastikan bekalan air mentah dan air terawat akan terus diberikan keutamaan untuk menampung permintaan pengguna baik dari segi kualiti dan juga kuantiti.

Salah satu tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah menyediakan Pelan Induk berkenaan Sumber, Pembekalan, Permintaan dan Pengagihan Air di Negeri Selangor untuk tempoh 50 tahun. Pelan Induk ini akan dilancarkan pada akhir bulan September 2018. Melalui Pelan Induk ini, Kerajaan Negeri boleh mengenal pasti sumber-sumber baru untuk kegunaan masa hadapan di samping merealisasikan matlamat untuk mengujudkan sistem agihan yang lengkap dan berhubung antara satu dengan lain. Sistem agihan yang lengkap ini dapat meningkatkan lagi keberkesanan Air Selangor dalam membekalkan air bersih kepada pengguna dan sekiranya berlaku henti tugas mana-mana loji, maka ia tidak menjejaskan pembekalan kepada pengguna sebaliknya pembekalan kepada loji yang henti tugas tadi boleh ditampung oleh loji rawatan air yang lain.

Pada masa yang sama, perancangan awal pelaksanaan Projek Langat 2 yang dijangkakan siap pada akhir tahun 2017 telah berubah dan dijadualkan siap pada akhir tahun 2022. Bagi menampung permintaan air sementara menunggu Projek Langat 2 siap, Kerajaan Negeri telah pun menyiapkan Loji Rawatan Air Semenyih 2 dengan kapasiti sebanyak 100 JLH manakala Loji Rawatan Air Labohan Dagang Fasa 1 sedang dalam pembinaan dan dijangka siap pada akhir tahun 2018 ini.

Pelaksanaan kedua-dua projek loji baru ini dibiayai oleh Kerajaan Negeri menggunakan peruntukan Negeri Selangor.

Jaminan bekalan air bersih bukan sahaja datang dari pihak Kerajaan Negeri ataupun Air Selangor. Kerajaan Negeri dan pihak syarikat telah dan akan terus mempergiatkan aktiviti baik pulih dan penambahbaikan bagi memastikan kelancaran bekalan air. Namun begitu, rakyat juga dapat turut menyumbang.

Kerajaan Negeri menyeru supaya rakyat Negeri Selangor sentiasa mengamalkan sikap berjimat cermat termasuk di dalam penggunaan air bersih. Dari segi penggunaan domestik bagi Negeri Selangor bagi tahun 2017 adalah sebanyak 227 liter/orang/hari, iaitu penggunaan yang lebih tinggi dari sasaran kadar penggunaan per kapita nasional sebanyak 180 liter/orang/hari. Penggunaan ini adalah jauh lebih tinggi dari Singapura sebanyak 170 liter/orang/hari, dan usaha-usaha boleh dijalankan bagi mengurangkannya. Sekiranya jumlah ini dapat diturunkan sebanyak 20%, ia boleh menyumbang kepada penjimatan air bersih yang dianggarkan sebanyak 850 JLH pada tahun 2020 daripada jumlah permintaan air sedia ada.

Dalam usaha untuk mengurangkan penggunaan air di kalangan pengguna, Kerajaan Negeri melalui Air Selangor akan sentiasa bekerjasama dengan agensi Kerajaan Pusat untuk menekankan pelaksanaan "*water demand management*" dan menggalakkan pengguna melaksanakan pemasangan alat-alat penjimatan air (*Water Saving Devices (WSD)*) yang dapat mengurangkan penggunaan air secara automatik. WSD adalah termasuk sistem penjimatan pancuran air (heads, handsets dan sistem kawalan), peralatan paip (heads, sinki, bibs and mixers) dan sistem tandas (sistem dwi-siram, tangki curahan dan bidet) serta mesin basuh dan mesin membasuh pinggan.

Namun demikian, sebagai sebuah negeri yang pesat membangun, adalah dijangkakan akan berlaku pertambahan penduduk dan pembangunan ekonomi untuk tempoh 20 tahun akan datang. Pertambahan penduduk serta pertumbuhan ekonomi yang rancak secara langsung akan mendorong kepada permintaan air bersih yang lebih tinggi manakala pembekalan air tidak berubah. Adalah dijangkakan dalam keadaan yang sedemikian, Kerajaan Negeri Selangor akan menghadapi masalah kekurangan bekalan air. Justeru itu, Kerajaan Negeri dan Air Selangor dari masa ke semasa membuat kajian bagi meneliti dan menyemak semula polisi pemberian air percuma, kadar tarif dan keupayaan bekalan dalam usaha untuk memastikan perkhidmatan bekalan air diurus secara holistik ke arah perkhidmatan yang menjamin ketelusan, kebertanggungjawaban, efisien dan kos

efektif di samping memastikan perancangan holistik untuk pembangunan sumber bekal air hendaklah terus diberikan keutamaan bagi memastikan kelestarian dan kecukupan bekal air untuk menampung permintaan masa hadapan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW
(N56 SUNGAI PELEK)**

TAJUK : MB INCORPORATED (MBI)

63. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa jumlah staf yang berkhidmat utk MBI dan apakah jumlah gaji dan elaun yang diberikan kepada mereka setiap bulan?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman berdasarkan kepada pembayaran gaji Julai 2018 terdapat seramai seratus sembilan belas (119) staff MBI yang dilantik secara tetap dan kontrak sepenuh masa ini. Walaubagaimanapun maklumat berkaitan gaji dan elaun warga kerja adalah sulit dan persendirian. Pihak syarikat adalah tertakluk kepada peraturan syarikat dan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 yang menjamin kerahsiaan maklumat peribadi warga kerja.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW
(N56 SUNGAI PELEK)**

TAJUK : RUMAH SELANGORKU

64. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan sudi dan rela menggunakan tanah kerajaan secara percuma untuk membina Rumah Selangorku secara usahasama dengan pihak swasta?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan kepada Seksyen 76 Kanun Tanah Negara 1965 (KTN 1965), pemberimilikan Tanah Kerajaan untuk sesuatu tempoh tidak melebihi 99 tahun adalah sebagai balasan pembayaran premium, sewa tahunan dan ianya tertakluk kepada apa-apa syarat dan sekatan kepentingan dan menurut kuasa kepada mana-mana peruntukan dalam akta (KTN 1965) ini.

Tiada peruntukan undang-undang yang berkuatkuasa untuk pemberimilikan Tanah Kerajaan secara percuma. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri bersedia untuk mempertimbangkan permohonan pemberimilikan tanah bagi tujuan membina Rumah Selangorku pada kadar premium yang berpatutan dan munasabah berdasarkan justifikasi permohonan selaras dengan peruntukan Seksyen 80 KTN 1965 serta insentif-insentif pembayaran premium yang boleh diberikan kepada pemaju yang berhasrat membina Rumah Selangorku.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW
(N56 SUNGAI PELEK)**

TAJUK : PEMBASMIAN KEMISKINAN

65. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh manakah pencapaian dalam usaha pembasmian kemiskinan, terutama sekali golongan OKU dan warga emas. Mereka sukar nak dapat kerja, majikan tidak sudi upah, peluang pekerjaan tipis dan pilihan terhad. Adakah galakan sara diri ini setara dengan sikap dan suasana kemasyarakatan sekarang ?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri sentiasa peduli akan kebajikan dan kesejahteraan rakyat tanpa mengira umur dan etnik. Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) yang telah menjadi sanubari kepada rakyat Selangor pula akan terus diperkukuh dan dipelbagai oleh Kerajaan Negeri dalam memastikan rakyat Selangor terus maju dan tidak ketinggalan dalam arus pembangunan. Golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) dan warga emas juga tidak terkecuali untuk dibantu dan diberdaya oleh Kerajaan Negeri dalam usaha mengeluarkan mereka daripada kepompong kemiskinan.

Untuk itu, golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) terus diperkasa. Sebagai contohnya, menerusi penganjuran Karnival Kerjaya dan Pemerksaan Ekonomi OKU yang telah dilaksanakan pada 14 dan 15 Oktober 2017 yang lalu. Sebanyak 18 buah majikan dan agensi yang mempunyai skim bagi golongan OKU telah mengambil bahagian di dalam *job fair* ini di mana mereka menawarkan pelbagai pekerjaan yang bersesuaian kepada golongan OKU yang layak. Lanjutan daripada program ini, seramai 113 orang daripada 200 orang OKU telah terpilih untuk meneruskan dan menghadiri sesi temuduga kedua bersama-sama majikan yang terlibat. Penganjuran program ini dilihat telah memberikan impak dalam membantu golongan OKU untuk mendapatkan pekerjaan dan memperolehi sumber pendapatan bagi menampung kos kehidupan seharian mereka sekaligus telah membantu mereka keluar dari kancah kemiskinan.

Selain itu, usaha berterusan Kerajaan Negeri dalam membasmi kemiskinan dalam kalangan golongan OKU adalah melalui Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) di Selangor. Di sini, pelatih OKU diberi peluang untuk memasarkan produk hasil kerja mereka melalui aktiviti pemerksaan ekonomi golongan OKU yang dilaksanakan secara serentak dengan Program Karnival Kerjaya. Di samping itu,

dalam memastikan golongan OKU mendapat kemudahan yang sama seperti masyarakat normal, Kerajaan Negeri telah mengadakan seminar Selangor Ke Arah Negeri Berdayahuni dan Inklusif dengan kerjasama Majlis Bandaraya Petaling Jaya khas kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Selangor pada 23 Oktober 2017 lalu yang bertujuan untuk memberikan pendedahan dan kesedaran serta rasa sensitiviti terhadap keperluan atau kemudahan rekabentuk sejagat. Melalui seminar ini, pihak PBT perlu mematuhi perundangan dan garis panduan serta kawalan penguatkuasaan dalam memastikan pembangunan yang mesra OKU, ibu hamil atau warga emas di samping memenuhi keperluan sejagat.

Oleh yang demikian, program pemberdayaan dan galakan sara hidup golongan OKU serta warga emas yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri ini dilihat bersesuaian dengan situasi masyarakat dan tekanan ekonomi negara pada masa sekarang. Ini kerana program-program tersebut berupaya memberikan kesan langsung terhadap peningkatan taraf ekonomi dan kesejahteraan hidup. Pada masa yang sama, rakyat terutamanya golongan OKU serta warga emas juga turut dididik supaya berusaha dan bekerja keras untuk keluar dari belenggu kemiskinan tanpa bergantung harap sepenuhnya terhadap kemudahan dan bantuan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW
(N56 SUNGAI PELEK)**

TAJUK : ECO TOURISM SUNGAI PELEK

66. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Saya percaya penambahbaikan sistem akses di DUN Sungai Pelek boleh menggalakkan Eco Tourism. Apakah rancangan yang telah diadakan oleh Kerajaan Negeri setakat ini?

JAWAPAN:

- a) Pihak Majlis Perbandaran Sepang telah menerima peruntukkan sebanyak RM50,000.00 seperti pecahan berikut:-

- | | | |
|----|---|-----------|
| 1. | Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pemutihan Kilang Haram dan Pembangunan Kampung Baru (melalui surat bertarikh 24 April 2018, no.ruj (23) dlm.IPK.SEL.SPBT.400-4/2/3 Jld.8) | 20,000.00 |
| 2. | Jawatankuasa Tetap Pembangunan Generasi Muda Dan Sukan, Kebudayaan Dan Pembangunan Usahawan melalui email bertarikh 16 April 2018 | 20,000.00 |
| 3. | Jawatankuasa Tetap Kebudayaan dan Pelancongan, Peradaban Melayu dan Warisan melalui surat permohonan bertarikh 27 Februari 2018. | 10,000.00 |

Peruntukan tersebut telah digunakan sepenuhnya untuk menjayakan program-program Pesta Pantai Bagan Lalang @ Sepang 2018. Program-program yang telah dijalankan ialah:

- a. Trio Obstacle Run
- b. Pertandingan Wau Tegak;
- c. Pertandingan Silat Pantai Antarabangsa @ Sepang;
- d. Pertandingan Tarik Tali Pantai;
- e. Persembahan Artis (Floor 88 dan X-Pose band);
- f. Pertandingan Fotografi 'Bagan Lalang @ Sepang';
- g. Pertandingan Istana Pasir;

- h. Permainan Tradisional (Dam Aji, baling tin);
- i. Pertandingan Mewarna Kanak-kanak
- j. Cabutan Bertuah;
- k. Persembahan Kebudayaan;
- l. Booth pameran dan jualan;
- m. Program Terokai Sg.Sepang Besar;
- n. Pasar Basah di Jeti Sg.Sepang Besar;
- o. Food Truck Gathering;
- p. Sukan Air (Kayak, banana boat); dan
- q. PeBT Idol @ Sepang
- r. Frisbee Pantai @ Bagan Lalang (PeBT)

Antara program yang telah mendapat sambutan ialah Program Menyusuri Sg. Sepang Besar yang mana telah dijalankan selama 2 hari pada 18 dan 19 Ogos 2018 yang melibatkan seramai 20,000 orang pengunjung.

Majlis Perbandaran Sepang juga telah merangka program Tahun Melawat Sepang 2020 yang mana akan turut memberi penekanan pengumpulan produk-produk yang berpotensi sebagai eco tourism dalam proses kajian pengumpulan data yang dijangka siap pada hujung tahun ini dan pembangunan infrastruktur dengan menaiktaraf jeti Sg. Sepang Besar berkonsepkan 'water front'.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW
(N56 SUNGAI PELEK)**

TAJUK : TANAH PERTANIAN

67. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri sudi membuka tanah kerajaan kepada warga Selangor yang berminat dalam bidang pertanian dan ternakan?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri sentiasa menyokong penuh penglibatan warga Selangor yang berminat dalam bidang pertanian dan ternakan melalui skim Ladang Smart Agro Selangor. Kerajaan Negeri tidak pernah menghalang untuk menerima dan memproses permohonan pelupusan Tanah Kerajaan bagi tujuan pertanian. Antara kaedah pelupusan yang dilaksanakan adalah melalui pemberimilikan bagi Tanah Kerajaan, pajakan tanah rizab dan pengeluaran Lesen Pendudukan Sementara bagi tanah rizab yang masih belum digunakan bagi tujuan ianya dirizabkan. Semua permohonan boleh dikemukakan di Pejabat Tanah Daerah. Selain itu Kerajaan Negeri melalui anak syarikat Kerajaan Negeri turut mengalu-alukan penglibatan warga Selangor yang berminat untuk memajukan tanah secara usaha sama bagi tujuan pertanian.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW
(N56 SUNGAI PELEK)**

TAJUK : PROGRAM ZON BERSIH DAN HIJAU

68. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kebersihan dan keindahan kawasan adalah penting dari segi 'quality of life'. Adakah Kerajaan Negeri akan menghidupkan semula Program Zon Bersih dan Program Zon Hijau tahun depan?

JAWAPAN:

- a) Pelaksanaan Program Zon Bersih selama empat (4) tahun lepas bermula tahun 2010-2013 boleh dikatakan berjaya mengubah atau *transform* PBT dari kawasan yang kotor ke arah yang lebih bersih dengan adanya usaha yang menggalakkan daripada PBT, Ahli Majlis, NGO dan agensi luar dalam menzahirkan konsep BERSIH di Selangor.

Kerajaan Negeri menyambut baik cadangan bagi menghidupkan semula Program Zon Bersih dan seumpama dengannya yang dapat memberi impak positif kepada masyarakat dengan lebih berkesan.

Walau bagaimanapun, buat masa ini Kerajaan Negeri masih merangka dan merancang pelan tindakan dalam menambahbaik sistem penyampaian dan tadbir urus khususnya pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi memastikan kualiti kehidupan yang lebih baik serta dapat mewujudkan persekitaran yang bersih dan sihat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : PEMBANGUNAN KAWASAN BROWNFIELD LEMBAH BERINGIN

69. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan cadangan-cadangan yang terkandung dalam kajian Pelan Tindakan Khas Pembangunan Kawasan Brownfield Lembah Beringin.
- b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri bagi mengatasi isu-isu yang telah dikenalpasti dalam kajian Pelan Tindakan Khas Pembangunan Kawasan Brownfield Lembah Beringin?

JAWAPAN:

- a) Cadangan Umum yang terdapat di dalam Laporan Pelan Tindakan Khas Pembangunan Brownfield Lembah Beringin adalah seperti berikut :
 - 1. Cadangan Lembah Beringin sebagai Bandar Hijau Berdayahuni
 - 2. Cadangan Lembah Beringin sebagai Bandar Pelancongan dan Riadah Seisi Keluarga
 - 3. Cadangan Pusat Beli Belah Barangan Berjenama di Utara Selangor
 - 4. Cadangan Lembah Beringin Sebagai Hub Pendidikan dan Institusi Latihan

Terdapat juga cadangan-cadangan lain yang menjurus kepada pembangunan semula kawasan-kawasan brownfield sedia ada, cadangan menambah kemudahan awam seperti Klinik Kesihatan, Masjid, Pusat Penjaja, Kebun Komuniti perluasan rangkaian jalan raya dan cadangan untuk membawa Bas Smart Selangor ke Lembah Beringin.

- b) Dapatan kajian telah dibentangkan oleh MDHS di dalam Jawatankuasa Tetap Perumahan dan pihak jawatankuasa akan meneliti kajian berkenaan. Selain itu, pihak MDHS dengan kerjasama Jabatan Perumahan Negara telah mengadakan lawatan ke Lembah Beringin bagi mengenalpasti cadangan yang bersesuaian untuk dilaksanakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK : PROJEK MENGGANTI DAN MELEBARKAN JAMBATAN DI ATAS SUNGAI
BATANG KALI FT001**

70. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah JKR Selangor mempunyai matlumat projek mengganti dan melebarkan jambatan di atas Sungai Batang Kali FT001? Jika ya, nyatakan butir-butirnya.
- b) Adakah JKR Selangor akan membuat jalan alternatif bagi kenderaan ringan dari Kuala Kubu Bharu semasa projek tersebut dilaksanakan?

JAWAPAN:

- a) Berikut adalah maklumat projek bagi projek tersebut:

Nama projek : Mengganti dan Melebarkan Jambatan di atas Sungai
Batang Kali FT001/438/10, Daerah Hulu Selangor,
Selangor Darul Ehsan
Kontrak asal : RM 24, 259, 596.72
Tempoh kontrak : 104 minggu
Tarikh Milik Tapak : 30 April 2018
Tarikh Siap Semasa : 29 April 2020
Peg. Penguasa : Pengarah JKR Selangor
Wakil Peg. Penguasa: Jurutera Daerah Hulu Selangor
Kontraktor : PDM Builders Sdn Bhd
Kemajuan Kerja : 9% (Jadual) / 8% (Sebenar)

- b) Kenderaan dari arah Kuala Kubu Bharu / Rawang akan menggunakan jalan sedia ada semasa proses pembinaan sedang dijalankan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : BANTUAN NGO KERAJAAN PRIHATIN

71. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah peruntukan RM500 ribu bantuan NGO Kerajaan Prihatin yang telah disalurkan kepada NGO pada tahun ini.
- b) Apakah modus operandi permohonan bantuan tersebut memandangkan terdapat EXCO-EXCO baru selepas PRU ke-14?

JAWAPAN:

- a) Sebagaimana Yang Berhormat Kuala Kubu Bharu sedia maklum, sebanyak RM500,000.00 telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri Selangor di bawah Program Bantuan Sumbangan Kepada Badan – badan Bukan Kerajaan (NGO). Bermula pada tahun 2017, peruntukan tersebut telah dipecahkan kepada lima (5) Jawatankuasa Tetap terlibat seperti berikut :

PORTFOLIO	PERUNTUKAN
Kerajaan Prihatin	RM100,000.00
Kebajikan	RM100,000.00
Pembangunan Generasi Muda	RM100,000.00
Pendidikan	RM100,000.00
Hal Ehwal Agama Islam	RM100,000.00
JUMLAH	RM500,000.00

Untuk makluman Yang Berhormat Kuala Kubu Bharu, pada tahun 2018 Kerajaan Negeri di bawah lima (5) Jawatankuasa tersebut telah membelanjakan peruntukan sedia ada sebanyak RM334,000.00 bagi tujuan pemberian sumbangan kepada NGO – NGO di Negeri Selangor. Sumbangan tersebut adalah disampaikan melalui cek di atas nama persatuan dan had maksimum sumbangan tetap ditetapkan sebanyak RM5,000.00 bagi satu persatuan. Jumlah sumbangan adalah berdasarkan kelulusan dan pertimbangan Yang Berhormat EXCO yang berkenaan berpandukan Garis Panduan sedia ada. Walau bagaimanapun, keutamaan permohonan adalah diberikan kepada NGO – NGO yang melaksanakan program atau aktiviti kebajikan yang bersasarkan anak yatim, ibu tunggal, orang tua dan orang kurang upaya (OKU). Kerajaan Negeri mensasarkan baki peruntukan

berjumlah RM166,000.00 akan habis digunakan pada tahun ini memandangkan jumlah permohonan yang diterima daripada NGO – NGO amat menggalakkan.

- b) Kerajaan Negeri setakat ini masih mengekalkan modus operandi sedia ada berpandukan Garis Panduan Pemberian Sumbangan Kepada Badan – badan Bukan Kerajaan (NGO) yang berkuatkuasa melibatkan lima (5) Jawatankuasa yang masing – masing dipengerusikan oleh Yang Berhormat EXCO Negeri Selangor. Sebarang cadangan pindaan dan penambahbaikan garis panduan perlu dibentangkan di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) melalui pengesahan dan persetujuan Yang Berhormat EXCO yang berkenaan. Justeru itu, bagi mana -mana Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang ingin memohon, pihak mereka boleh mengemukakan permohonan kepada Yang Berhormat EXCO – EXCO yang berkenaan. Yang Berhormat EXCO yang berkenaan akan mempertimbang dan memutuskan jumlah yang akan diberikan kepada setiap permohonan tersebut berdasarkan baki peruntukan sedia ada dan garis panduan yang telah ditetapkan sepertimana berikut :

1. Tujuan penubuhan Badan Bukan Kerajaan (NGO) mestilah bertujuan kebajikan dan tidak berorientasikan keuntungan.
2. Sumbangan oleh Kerajaan Negeri kepada NGO tidak melebihi RM5,000.00 selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).
3. Permohonan yang melibatkan kepentingan NGO dan kurang memberi manfaat kepada masyarakat setempat akan ditolak dan tidak akan dipertimbangkan. Contohnya: Lawatan sambil belajar atau majlis makan malam hanya untuk ahli NGO sahaja.
4. Setiap Badan Bukan Kerajaan (NGO) hanya layak untuk membuat satu permohonan sahaja dalam tempoh setahun.
5. Segala bentuk permohonan yang melibatkan aktiviti keagamaan adalah tidak layak memohon.
6. Permohonan oleh kelab-kelab di bawah Universiti yang menggunakan satu akaun yang sama adalah layak memohon.
7. Permohonan yang dikemukakan oleh DUN / Parlimen / JKK / Pembangunan Luar Bandar (PLB) adalah tidak layak untuk dipertimbangkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : HAIWAN BERKELIARAN

72. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan anjing liar, kucing liar, lembu liar dan kerbau liar yang ditangkap oleh PBT sejak tahun 2016.
- b) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai satu kaedah yang berkesan untuk menangkap haiwan berkeliaran di jalan dan taman perumahan? Jika ya, nyatakan kaedah tersebut.

JAWAPAN:

- a) Berikut adalah senarai bilangan anjing liar, kucing liar, lembu liar dan kerbau liar yang ditangkap oleh PBT sejak tahun 2016 mengikut Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

PBT	Tahun	Bilangan haiwan liar yang ditangkap			
		Anjing liar	Kucing liar	Lembu liar	Kerbau liar
MBSA	2016-2018	2877	159	3 operasi	3 operasi
MBPJ	2016	766	77	0	0
	2017	684	135	0	0
	2018	404	110	0	0
MPK	2016	8,359	95	15	8,359
	2017	11,987	130	5	11,987
	2018	3,841	18	5	3,841
MPAJ	2016	1,558	0	0	0
	2017	962	0	0	0
	2018	212	0	0	0

PBT	Tahun	Bilangan haiwan liar yang ditangkap			
		Anjing liar	Kucing liar	Lembu liar	Kerbau liar
MPSJ	2016-2018	3,799	849	0	0
MPS	2016	2,586	29	7	0
	2017	2,274	30	10	0
	2018	1,283	35	2	0
MPKj	2016	2,583	0	0	0
	2017	3,128	0	0	0
	2018	2,315	0	0	0
MpSp	2016-2018	634	20	22	0
MDKL	2016	635	12	4	0
	2017	810	16	2	0
	2018	157	0	1	0
MDHS	2016	656	0	0	0
	2017	558	0	0	0
	2018	380	0	0	0
MDKS	2016	510	179	0	0
	2017	490	22	0	0
	2018	384	45	0	0
MDSB	2016	430	0	1	0
	2017	142	0	1	0
	2018	0	0	4	0

- b) Kaedah yang digunakan untuk tangkapan haiwan terbiar adalah seperti berikut:
- i) Anjing liar – menggunakan kaedah '*loop & rod*' mengikut Pekeliling SOP Tangkapan Anjing Terbiar yang dikeluarkan oleh KPKT, perangkap dan tangguk.
 - ii) Kucing liar – menggunakan kaedah jaring dan perangkap.
 - iii) Lembu dan kerbau liar – menggunakan khidmat Jabatan Veterinar Selangor dan JPAM.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : DASAR TANAH SELANGOR

73. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan syarat-syarat permohonan pemberimilikan tanah dan TOL yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.
- b) Adakah Kerajaan Negeri akan kaji semula syarat-syarat permohonan tersebut memandangkan kebanyakan permohonan terhadap tanah kosong tidak dapat diproses?
- c) Adakah Kerajaan Negeri akan mengkaji semula kadar premium tanah yang diamalkan selama ini?

JAWAPAN:

- a) Pemberimilikan tanah dan pemberian TOL adalah sebahagian daripada kuasa Pihak Berkuasa Negeri untuk melupuskan Tanah Kerajaan. Berdasarkan Seksyen 43 Kanun Tanah Negara 1965 (KTN 1965) telah menyatakan bahawa Pihak Berkuasa Negeri boleh melupuskan Tanah Kerajaan kepada orang-orang atau badan-badan berikut:-
 - i. Orang-orang benar selain daripada remaja;
 - ii. Perbadanan-perbadanan yang mempunyai kuasa di bawah perlembagaan mereka untuk memegang tanah;
 - iii. Raja-raja pemerintah, Kerajaan, Organisasi dan lain-lain orang yang diberi kuasa untuk memegang tanah di bawah peruntukan-peruntukan Ordinan Keistimewaan Diplomatik dan Konsular, 1957; dan
 - iv. Badan-badan yang diberi kuasa secara nyata untuk memegang tanah di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain.

Selain daripada syarat-syarat utama yang dinyatakan dalam Seksyen 43 KTN, Kerajaan Negeri juga, melalui Pejabat Tanah dan Galian Selangor telah mengeluarkan Pekeliling-Pekeliling dan Arahan-Arahan Pengarah Tanah dan Galian Selangor yang boleh diperolehi melalui laman sesawang PTGS sebagai rujukan awam bagi tujuan permohonan pemberimilikan dan TOL. Antaranya

adalah Pekeliling PTGS Bil. 4/2015 untuk tujuan TOL dan Pekeliling PTGS Bil. 6/2011 untuk tujuan Skim Pemberimilikan Kediaman Persendirian Negeri Selangor.

- b) Kerajaan Negeri sentiasa mengkaji dasar sedia ada untuk membuat penambahbaikan demi membantu rakyat. Melalui rekod permohonan di Pejabat Tanah Daerah, kesemua permohonan yang diterima akan diproses namun, terdapat keputusan yang lewat dikeluarkan disebabkan permohonan yang tidak lengkap, isu pertindihan permohonan dan kelewatan dalam mendapatkan ulasan teknikal untuk membantu Pihak Berkuasa Negeri membuat keputusan. Oleh itu, dakwaan permohonan tanah kosong yang tidak dapat diproses adalah tidak tepat.
- c) Setakat ini tiada perubahan ke atas formula pengiraan premium tanah (pindaan 2016) yang telah dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Tanah Selangor. Namun Kerajaan Negeri sentiasa menawarkan insentif baharu bagi tujuan pembayaran premium melalui pengeluaran Pekeliling PTGS antaranya adalah seperti berikut:-
 - i. Pekeliling PTGS Bil. 6/2011 – Garis Panduan Skim Pemilikan Tanah Kerajaan Untuk Tujuan Bangunan Kediaman Persendirian di Negeri Selangor.
 - ii. Pekeliling PTGS Bil. 1/2016 - Kaedah Pembayaran Premium dan Premium Tambahan Ke Atas Kelulusan Permohonan Pemberimilikan dan Pembangunan Tanah di Negeri Selangor.
 - iii. Pekeliling PTGS Bil. 3/2016 - Pemberian Insentif Khas Premium Bagi Tujuan Melanjutkan Tempoh Pajakan Untuk Aktiviti Perniagaan di Bangunan Lama di Dalam Kawasan Luar Bandar.
 - iv. Pekeliling PTGS Bil. 2/2018 – Garis Panduan Permohonan Melanjutkan Tempoh Pajakan Tanah di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : PROJEK TERBENGKALAI DI HULU SELANGOR

74. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri mendapat maklumat terkini mengenai keputusan Mahkamah Persekutuan terhadap Projek Perumahan Taman Lembah Beringin? Jika ya, nyatakan butir-butirnya.
- b) Adakah Kerajaan Negeri berusaha mencari pemaju penyelamat untuk membantu memulihkan projek terbengkalai Kg Melayu Rasa selepas syarikat kontraktor tidak dapat 100% pemilik tanah bersetuju dengan pemulihan projek? Jika ya, nyatakan butir-butirnya.

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Tetuan Ferrier Hodgson MH Sdn. Bhd. yang bertindak sebagai Pengurus & Penerima yang dilantik oleh RHB Bank sebagai pemegang gadaian telah menjual lot-lot tanah kosong kepada 7 syarikat dan unit-unit terbengkalai yang tiada pembeli dijual kepada Purnari Sdn. Bhd. melalui tender terbuka. Walau bagaimanapun, penjualan tersebut telah dicabar oleh Tetuan Emas Kiara Sdn. Bhd. di mahkamah. Susulan daripada itu, kes tersebut telah dibawa sehingga ke peringkat Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah masih belum menetapkan tarikh baru bagi pengurusan kes tersebut. Dengan ini, urusan pemulihan projek terbengkalai di Lembah Beringin ditangguhkan sehingga keputusan Mahkamah diperolehi.
- b) Untuk makluman Yang Berhormat, semakan semula PKNS terhadap kajian fesibiliti pembangunan mendapati pemulihan bagi projek terbengkalai Kg. Melayu Rasa ini adalah tidak berdaya maju. PKNS juga telah mengadakan perbincangan bersama Pengerusi Persatuan Pembeli Kg. Melayu Rasa pada 28 September 2017 bagi memaklumkan tentang status semakan kajian fesibiliti pembangunan yang dibuat PKNS.

Pengerusi Persatuan Pembeli Kg. Melayu Rasa turut memaklumkan bahawa kebanyakan pembeli tidak bersetuju dengan cadangan pemulihan yang ditawarkan daripada syarikat kontraktor tersebut untuk memulihkan projek tersebut. Sebahagian daripada pembeli juga telah menyatakan hasrat untuk menyiapkan

unit rumah mereka sendiri dan telah memohon kepada Kerajaan Negeri menyediakan kemudahan infrastruktur ke atas pembangunan ini.

Justeru itu, bagi pihak Kerajaan Negeri, jalan penyelesaian alternatif adalah masih terbuka dan akan diteruskan bagi membantu pembeli-pembeli teraniaya ini. Kerajaan Negeri juga masih dalam peringkat kajian awalan ke atas penyediaan kerja-kerja infrastruktur ke atas pembangunan ini melalui Tabung Pemulihan Projek Terbengkalai (TEPAT).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE
(N31 SUBANG JAYA)**

TAJUK : CUKAI TANAH

75. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Pemilik strata mengalami kenaikan cukai sebanyak 190% setiap meter persegi selepas penukaran sistem cukai tanah kepada sistem cukai petak. Adakah terdapatnya kesediaan untuk mengkaji semula sistem cukai petak untuk memastikan jumlah yang dikenakan mencerminkan saiz meter persegi setiap petak?

JAWAPAN:

- a) Penganan cukai petak hakmilik strata di Negeri Selangor yang dilaksanakan adalah secara jelas merujuk di bawah Seksyen 23C(8) Akta Hakmilik Strata (Pindaan) 2016 [A1518] di mana cukai bagi petak hakmilik strata atau blok sementara hakmilik strata hendaklah dikira berdasarkan kadar meter persegi bagi setiap petak, atau petak dan petak aksesori, atau blok sementara.

Berdasarkan seksyen tersebut, Kerajaan Negeri mengenalpasti wujud peningkatan cukai yang amat mendadak sekiranya pelaksanaan cukai petak ini dilakukan. Justeru itu, pihak Kerajaan Negeri Selangor telah bersetuju melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Bilangan 4/2018 bertarikh 07 Februari 2018 dengan memberikan pengurangan cukai petak sebanyak 70% bagi setiap petak hakmilik strata yang berstatus pembangunan kos rendah dan 25% bagi petak hakmilik strata yang berstatus pembangunan selain kos rendah.

Selain itu, perbandingan peningkatan cukai petak adalah tidak tepat sama sekali sekiranya perbandingan itu dilakukan di antara cukai tanah dan cukai petak hakmilik strata. Ini kerana keluasan petak hakmilik strata secara keseluruhannya akan bertambah berbanding keluasan tanah disebabkan pertambahan bilangan tingkat serta petak yang wujud dalam satu-satu pembangunan.

Peningkatan cukai petak hakmilik strata akan wujud adalah bergantung kepada bilangan jumlah petak hakmilik strata yang wujud di dalam satu-satu lot pembangunan. Ini bermaksud semakin banyak bilangan petak, semakin besar jumlah cukai yang dikenakan selaras dengan penambahan keluasan meter persegi dalam satu-satu pembangunan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE
(N31 SUBANG JAYA)**

**TAJUK : PENGGABUNGAN (AMALGAMATION) TANAH PN 8623 LOT 49365
MUKIM PETALING DAN PM 130 LOT 37563 MUKIM DAMANSARA
YANG DIPINDA SEMPADAN KE MUKIM BANDAR SUNWAY**

76. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah MMKN akan meluluskan permohonan penggabungan (amalgamation) Tanah PN 8623 Lot 49365 Mukim Petaling dan PM 130 Lot 37563 Mukim Damansara yang pada 21.9.2017 telah diluluskan pindaan sempadan oleh MMKN Negeri Selangor Ke 31/2017 ke Mukim Bandar Sunway?

JAWAPAN:

- a) MMKN ke 20/2018 bertarikh 11 Julai 2018 telah meluluskan permohonan serahbalik dan bermilik semula tanah ke atas empat (4) hakmilik iaitu PN 8623 Lot 49360 dan PN 8624 Lot 49365 Mukim Petaling, PM 130 Lot 37563 Mukim Damansara dan PM 2396 Lot 18108 Bandar Sunway, Daerah Petaling bagi tujuan penyatuan tanah.

Walaupun bagaimanapun, terdapat pindaan kecil ke atas kelulusan MMKN 20/2018 tersebut yang melibatkan perihal jenis hakmilik dan jenis surtmilik. Sehubungan itu, surat permohonan pindaan telah pun dikeluarkan pada tarikh 14 Ogos 2018 dan masih menunggu surat kelulusan oleh pihak MMKN.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE
(N31 SUBANG JAYA)**

TAJUK : TAPAK GANTI KAWASAN LAPANG

77. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perkembangan permohonan pembatalan sebahagian tanah rizab kawasan lapang seluas 0.46 ekar di Jalan PJS 7/13 dan pengesyoran tapak gantian kawasan lapang di sebahagian tanah kerajaan di atas Lot 64681, PJS 9, Bandar Sunway, Subang Jaya yang dikemukakan oleh MPSJ?

JAWAPAN:

- a) Tapak kawasan lapang seluas 8442 meter persegi di Lot 38163 Mukim Damansara Daerah Petaling telah diwartakan sebagai kawasan lapang melalui No.Warta Kerajaan 2173 bertarikh 02 Julai 2009.

Permohonan pembatalan warta bagi kawasan lapang ini telah diterima. Pejabat Daerah dan Tanah Petaling telah mengemukakan kertas ringkasan pada 20.08.2018 untuk mendapat pertimbangan dan kelulusan Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF
(N23 DUSUN TUA)**

TAJUK : PENGOPERASIAN KUARI

78. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah syarat-syarat serta garis panduan daripada Kerajaan Negeri yang dikenakan terhadap operasi-operasi kuari di Selangor?
- b) Apakah tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan masalah kacau ganggu daripada lori-lori kuari dapat diatasi?

JAWAPAN:

- a) Syarat-syarat serta garis panduan daripada Kerajaan Negeri yang dikenakan terhadap operasi-operasi kuari di Selangor antaranya adalah:
 - (i) Penetapan syarat-syarat Permit 4C (Seksyen 74 (a) KTN) yang ditetapkan melalui Pentadbir Tanah berkaitan;
 - (ii) Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) adalah agensi mengawal segala aktiviti-aktiviti pengkuarian berdasarkan Skim Melombong yang telah diluluskan;
 - (iii) Jabatan Alam Sekitar (JAS) adalah agensi mengawal kesan alam sekeliling yang melibatkan aktiviti-aktiviti pengkuarian dengan syarat-syarat yang telah diluluskan melalui Laporan Kesan Alam Sekeliling (EIA); dan
 - (iv) Selangor Quarry Rules, 2003 adalah salah satu rujukan yang digunakan bagi mengawal tatacara operasi pengkuarian.

b) Tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan masalah kacauganggu daripada lori-lori kuari adalah dengan penetapan di dalam syarat-syarat Permit 4C (Permit Pengeluaran Bahan Batuan) yang mana di dalam Permit 4C tersebut telah menyatakan bahawa pihak pengusaha perlu mematuhi syarat-syarat Permit 4C. Salah satu syarat di dalamnya adalah Penetapan Waktu Pengeluaran :

(i) Isnin hingga Jumaat
Dari 8.00 pagi hingga 5.00 petang

* Jika ada permintaan pengeluaran waktu tambahan, pengusaha perlu mengemukakan permohonan ke Pentadbir Tanah berkaitan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : JANGKAAN KESESAKAN LALULINTAS

79. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan bagi pembinaan jalan keluar masuk ke MRR2 dari Pandan Perdana susulan jangkaan peningkatan pengguna kenderaan setelah Apartment 28 Boulevard, Pandan Perdana siap?

JAWAPAN:

- a) Sehingga kini pengguna kenderaan boleh menggunakan jalan Perdana 6/2 dari Pandan Perdana ke MRR2 dan sehingga kini Pihak JKR Selangor tiada perancangan untuk menyediakan pembinaan jalan baru untuk keluar ke MRR2.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : KHIDMAT BAS SELANGORKU PERCUMA (IPR 13)

80. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan jumlah kos dan penumpang yang menggunakan perkhidmatan Bas Selangorku mengikut DUN dari tahun 2015-2018. Adakah mencapai sasaran penggunaan?
- b) Apakah perancangan bagi membina perhentian bas dalam seluruh kawasan Negeri Selangor?
- c) Adakah Kerajaan Selangor akan mengeluarkan bajet untuk membina "walkway" berbumbung bagi kawasan awam seperti sekolah, klinik kerajaan dan hospital ke perhentian bas yang dekat?

JAWAPAN:

- a) Data berkaitan kos dan penumpang penumpang Bas Smart Selangor adalah berdasarkan Pihak Berkuasa Tempatan dan tiada pecahan mengikut kawasan DUN. Jumlah kos dan penumpang yang menggunakan perkhidmatan Bas Smart Selangor bagi tempoh 1 Julai 2015 hingga 31 Julai 2018 adalah seperti berikut:

i. Jumlah Kos Bas Smart Selangor

Kos bagi penyediaan dan pengurusan Bas Smart Selangor secara keseluruhannya adalah sebanyak RM60,270,116.64. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM51,260,328.64 dibiayai oleh Kerajaan Negeri, manakala sebanyak RM9,009,788.00 ditanggung oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Butiran pecahan kos mengikut oleh Kerajaan Negeri dan PBT Mengikut tahun adalah seperti berikut:

(a) **Tahun 2015 : RM3,481,712.00**
 (ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri)

Bil.	PBT	Peruntukan Kerajaan Negeri
1.	Majlis Bandaraya Shah Alam	RM1,266,064.00
2.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	RM1,266,064.00
3.	Majlis Perbandaran Klang	RM949,584.00
JUMLAH		RM3,481,712.00

(b) **Tahun 2016 : RM11,360,910.64**
 (ditanggung Kerajaan Negeri)

: RM 3,146,928.00
 (dibiayai oleh PBT)

Bil.	PBT	Peruntukan PBT	Peruntukan Kerajaan Negeri
1.	Majlis Bandaraya Shah Alam	RM1,894,008.00	RM1,886,800.00
2.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	RM1,252,920.00	RM1,886,800.00
3.	Majlis Perbandaran Klang		RM691,650.00
4.	Majlis Perbandaran Ampang jaya		RM1,266,064.00
5.	Majlis Perbandaran Kajang		RM1,266,064.00
6.	Majlis Perbandaran Selayang		RM1,250,796.00
7.	Majlis Perbandaran		RM625,400.00

Bil.	PBT	Peruntukan PBT	Peruntukan Kerajaan Negeri
	Sepang		
8.	Majlis Daerah Kuala Langat		RM625,400.00
9.	Majlis Daerah Kuala Selangor		RM621,448.32
10.	Majlis Daerah Sabak Bernam		RM621,448.32
11.	Majlis Daerah Hulu Selangor		RM619,040.00
JUMLAH		RM3,146,928.00	RM11,360,910.64

(c) **Tahun 2017 : RM18,683,800.00**

(penyambungan kontrak laluan sedia ada dan laluan baru yang ditanggung Kerajaan Negeri)

: RM 5,862,860.00

(laluan baru yang dibiayai oleh PBT)

Bil.	PBT	Peruntukan PBT	Peruntukan Kerajaan Negeri
1.	Majlis Bandaraya Shah Alam	RM1,252,920.00	RM2,697,912.00
2.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	RM626,460.00	RM2,085,020.00
3.	Majlis Perbandaran Klang	RM626,460.00	RM1,864,540.00
4.	Majlis Perbandaran Ampang jaya	RM939,690.00	RM2,491,000.00

Bil.	PBT	Peruntukan PBT	Peruntukan Kerajaan Negeri
5.	Majlis Perbandaran Kajang	RM851,180.00	RM1,864,540.00
6.	Majlis Perbandaran Selayang	RM626,460.00	RM2,033,080.00
7.	Majlis Perbandaran Sepang	RM939,690.00	RM1,976,582.00
8.	Majlis Daerah Kuala Langat		RM1,016,540.00
9.	Majlis Daerah Kuala Selangor		RM989,404.00
10.	Majlis Daerah Sabak Bernam		RM699,918.00
11.	Majlis Daerah Hulu Selangor		RM925,592.00
JUMLAH		RM 5,862,860.00	RM 18,644,128.00

(d) **Tahun 2018 : RM RM17,733,906.00**

(kos penyambungan kontrak laluan sedia ada yang ditanggung Kerajaan Negeri)

: RM 7,211,710.00

(Anggaran kos laluan baru yang ditanggung Kerajaan Negeri)

ii) Jumlah Penumpang Bas Smart Selangor

Sejak dilancarkan pada 1 Julai 2015 hingga 31 Julai 2018, penumpang Bas Smart Selangor di 30 laluan telah mencapai 23 juta orang. Jumlah penumpang Bas Smart Selangor mengikut tahun pelaksanaan adalah seperti berikut:

- (a) Tahun 2015 (mulai 1 Julai 2015) : 546,661 penumpang
- (b) Tahun 2016 : 4,163,654 penumpang
- (c) Tahun 2017 : 10,660,051 penumpang
- (d) Tahun 2018 (sehingga 31 Julai) : 8,431,292 penumpang

Pecahan jumlah penumpang mengikut PBT adalah seperti di bawah:

Bil.	PBT	Jumlah Penumpang
1.	Majlis Bandaraya Shah Alam	5,261,364
2.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	4,429,780
3.	Majlis Perbandaran Klang	3,163,583
4.	Majlis Perbandaran Ampang jaya	2,169,985
5.	Majlis Perbandaran Kajang	2,897,700
6.	Majlis Perbandaran Selayang	3,140,875
7.	Majlis Perbandaran Sepang	974,540
8.	Majlis Daerah Kuala Langat	681,235
9.	Majlis Daerah Kuala Selangor	353,257
10.	Majlis Daerah Sabak Bernam	294,217
11.	Majlis Daerah Hulu Selangor	435,122
JUMLAH		23,801,658

- b) Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pengangkutan Negeri Selangor sentiasa melihat keperluan untuk meningkatkan tahap kemudahan pengangkutan awam seperti hentian bas di seluruh kawasan Negeri Selangor. Namun demikian, pelaksanaan untuk membina perhentian bas adalah tertakluk kepada peruntukan dan kewangan sama ada di peringkat Kerajaan Negeri mahupun Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Walau bagaimanapun, sejak perkhidmatan Bas Smart Selangor

dilaksanakan, Kerajaan Negeri telah memberikan insentif kepada PBT untuk membina kemudahan pengangkutan awam seperti perhentian bas di sepanjang laluan Bas Smart Selangor di semua PBT. Bagi tempoh 2016 hingga 2017, sebanyak RM892,000.00 telah diberikan kepada PBT untuk membina perhentian bas bagi kemudahan pengguna Bas Smart Selangor.

- c) Kerajaan Negeri tidak menyediakan sebarang peruntukan bagi membina “*walkaway*” berbumbung di kawasan awam seperti sekolah, klinik kerajaan dan hospital ke perhentian bas yang berdekatan. Namun demikian, Kerajaan Negeri percaya bahawa Pihak Berkuasa Tempatan akan menambahbaik keperluan-keperluan tersebut secara berperingkat tertakluk kepada kemampuan dan prestasi kewangan semasa.